

PERATURAN SUKAN BOLA TAMPAR JABATAN LAUT MALAYSIA KALI KE-11 2026

1. UNDANG-UNDANG

- 1.1 Undang-undang permainan antarabangsa yang berkuatkuasa akan menjadi undang-undang rasmi pertandingan kecuali apa yang tercatat di dalam undang-undang Khas Pertandingan permainan yang berkenaan.
- 1.2 Pertandingan akan dijalankan mengikut undang-undang yang dikuatkuasakan oleh *F.I.V.B (Federated International Volleyball Board)* dan *M.A.V.A (Malaysia Amature Volleyball Association)* yang terkini atau yang sedang berkuatkuasa.
- 1.3 Sekiranya timbul perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang asal akan dipatuhi.
 - i. Sebarang kejadian perkara-perkara bukan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Penganjur iaitu Jawatankuasa Sukan Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan
 - ii. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada undang-undang Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang yang dikuatkuasakan oleh *F.I.V.B (Federated International Volleyball Board)* dan *M.A.V.A (Malaysian Amature Volleyball Association)*.

2. PENDAFTARAN DAN PENYERTAAN

- 2.1 Setiap pasukan hendaklah mendaftarkan tidak lebih daripada SEPULUH (10) orang pemain lelaki (6 Pemain dan 4 simpanan)
- 2.2 Hanya pemain-pemain yang disenaraikan dalam borang pendaftaran yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola dibenarkan untuk bermain.

3. KATEGORI PERTANDINGAN

- 3.1 Lelaki terbuka

4. FORMAT PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan ini dijalankan secara sistem Liga.
- 4.2 Pasukan akan dibahagikan kepada 2 kumpulan secara undian.
- 4.3 Minimum pemain yang wajib berada di dalam padang adalah 6 orang dan jika kurang pasukan itu dianggap kalah dan kemenangan percuma diberikan kepada pihak lawan dengan (3) mata.
- 4.4 Dua pasukan teratas pada setiap pasukan akan bermain pada pusingan kedua.
- 4.5 Sistem pemberian mata kepada pasukan
 - a) Menang - 3 Mata
 - b) Kalah - 0 mata

- 4.6 Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan mempunyai jumlah mata teratas yang sama, kaedah berikut hendaklah dipatuhi bagi menentukan pasukan yang layak ke pusingan kedua;
 - 4.6.1 Pasukan yang mempunyai jumlah perbezaan bilangan set menang dan kalah.
 - 4.6.2 Jika masih seri, head to head antara dua pasukan berkenaan akan diambil kira.
- 4.7 Pada pusingan kedua akan dijalankan sistem kalah mati (knock out). Perlawanan secara silang akan dijalankan. Bagi pasukan yang menang akan bertanding untuk merebut pingat emas dan perak. Bagi pasukan yang kalah untuk merebut pingat gangsa.
- 4.8 Masa menunggu yang diberikan adalah 5 minit. Pasukan yang tidak menghadirkan diri/ masuk gelanggang selepas tempoh lima (5) minit akan dikira walk over. Kemenangan percuma kepada pihak lawan diberikan tiga (3) mata.

5. PAKAIAN DAN PERALATAN

- 5.1 Pakaian yang seragam dengan permainan bola tampar dan mempunyai nombor di depan serta belakang baju.
- 5.2 Pakaian yang digunakan adalah mesti mengikut kesesuaian dan tidak menjolok mata.

6. KIRAAN MATA

- 6.1 Sistem kiraan 31 mata

7. PERATURAN TEKNIKAL

7.1 Penentuan Perlawanan

Membuat Membuat lambungan syiling untuk pemilihan servis pertama atau gelanggang.

7.2 Pasukan

Setiap pasukan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 6 pemain di dalam gelanggang sebelum satu-satu pertandingan dimulakan.

- 7.3 Mana-mana pasukan tidak dapat mematuhi perkara 5.1, pasukan tersebut dibatalkan penyertaan.

8. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

- 8.1 Setiap pasukan / atlet hendaklah menghabiskan setiap pertandingan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan. Jika tidak pasukan / atlet tersebut boleh disingkirkan daripada pertandingan ini.

9. PENGADIL PERTANDINGAN

- 10.1 Pengadil yang mengadili pertandingan ini adalah pengadil yang bertauliah dari Persatuan Bola Tampar Negeri Johor. Segala keputusan pengadil adalah muktamad.

10. LARANGAN

- 10.1 Mana-mana pemain dilarang mengambil minuman keras sepanjang pertandingan ini berlangsung
- 10.2 Mana-mana regu/pemain didapati melanggar peraturan menyebabkan acara pertandingan ini terganggu disebabkan oleh kekecohan, pergaduhan atau apa-apa perbuatan yang difikirkan salah dan mendatangkan sebarang kecederaan kepada pihak lawan atau sesiapa sahaja semasa pertandingan. Pihak penganjur berhak menggantung dan tidak membenarkan regu/pemain tersebut dari meneruskan permainan.

11. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 11.1 Sekiranya terdapat perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am, maka Peraturan Sukan berkenaan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Penganjur. Keputusannya adalah muktamad.